



## MEMO

### PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

RUJUKAN : CIAST 100-1/7/1( /S)

TARIKH : 28 Mac 2013

<b>PERKARA</b> : ARAHAN PENGURUSAN BIL 6 TAHUN 2013 PELAKSANAAN APLIKASI ILMU DI PERPUSTAKAAN CIAST	
<b>DARIPADA</b> : PENGARAH CIAST	<b>SALINAN :</b>
<b>KEPADA</b> : SEMUA KAKITANGAN CIAST	KP JPK
<b>MELALUI</b> : TP DAN SEMUA KETUA PROGRAM/BAHAGIAN	

#### 1. TUJUAN

Memaklumkan pelaksanaan aplikasi ILMU (*Integrated Library Management Utility*) dan kaedah penggunaan aplikasi di Perpustakaan CIAST.

#### 2. LATAR BELAKANG

2.1 CIAST menyediakan kemudahan perpustakaan kepada pelajar, peserta kursus dan kakitangan (pengguna) di Blok C dengan keluasan 137 meter persegi. Jumlah buku yang disediakan berjumlah 6,040 buah sehingga Februari 2013.

2.2 Pengurusan perpustakaan sebelum ini dilaksanakan secara manual dengan menggunakan 'System Brown'. Pengurusan CIAST telah bersetuju untuk menggantikan sistem lama kepada aplikasi ILMU yang telah digunakan oleh kebanyakan perpustakaan Kementerian/Jabatan Kerajaan.

2.3 Aplikasi ILMU Fasa Pertama telah selesai dan boleh digunakan mulai Januari 2013. Aplikasi ini akan dikembangkan mengikut fasa di masa akan datang secara berperingkat.

2.4 **Fasa Pertama** memberi kemudahan kepada pengguna untuk mengakses bahan rujukan dan status bahan yang terdapat di perpustakaan secara atas talian. Urusan pinjaman boleh dibuat di perpustakaan CIAST mengikut waktu operasi yang ditetapkan.

#### 3. ARAHAN

3.1 Pengguna boleh menggunakan aplikasi ILMU dengan mengambil tindakan seperti berikut:

- a. Buka laman web CIAST di alamat [www.ciaст.gov.my](http://www.ciaст.gov.my)
  - b. Klik 'WebOPAC' diruang 'Staff Link'.
  - c. Pilih 'Search Type', 'Access Point' dan 'Search Text' untuk mendapatkan paparan maklumat bahan rujukan yang diperlukan.
  - d. Untuk mengetahui status bahan rujukan, klik tajuk bahan rujukan dan status akan dipaparkan di bawah maklumat bahan tersebut samada 'Available' boleh dipinjam atau 'Circulated' yang telah dipinjam oleh pengguna.
- 3.2 Sekiranya pengguna ingin membuat **pinjaman** yang 'Available', urusan pinjaman boleh dibuat diperpustakaan CIAST dalam waktu operasi yang ditetapkan. Pengguna hendaklah menjadi ahli berdaftar perpustakaan dengan melengkapkan Borang Permohonan Keahlian Perpustakaan CIAST sebelum dibenarkan membuat pinjaman bahan rujukan berkenaan.
- 3.3 Setiap pengguna dibenarkan meminjam **3 buah buku** dengan tajuk yang berbeza untuk tempoh pinjaman selama **2 minggu**. Lanjutan tempoh pinjaman hanya dibenarkan selama 1 minggu sebanyak 2 kali tertakluk kepada tiada tempahan pinjaman daripada pengguna lain.
- 3.4 Pinjaman baru tidak boleh dibuat sekiranya jumlah pinjaman sedia ada telah mencapai 3 buah atau tarikh pinjaman telah melebihi tempoh ditetapkan.

#### 4. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan berkaitan aplikasi ILMU hendaklah dirujuk kepada Pembantu Perpustakaan, Unit Pentadbiran, Bahagian Khidmat Pengurusan.

#### 5. TARIKH KUAT KUASA

Arahan Pengurusan ini berkuat kuasa dari tarikh ia dikeluarkan.

Kerjasama tuan/puan dipohon bagi menentukan peraturan di atas dipatuhi sepenuhnya.

Sekian, terima kasih.

"**BERKHIDMAT UNTUK NEGARA**"  
"**Pekerja Berinovatif Penggerak Transformasi**"

  
**(GHAZLAN BIN GHAZALI)**  
Pengarah CIAST